SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN EKONOMI S3 KTETF 2024

Bahagian A
[30 markah]

1. (a) Berikan maksud *upah nominal* dan *upah benar*. [2]
(b) Terangkan dua faktor yang membezakan upah mengikut sektor. [4]

Skema

(a) Upah nominal: Jumlah wang yang diterima oleh buruh atas sumbangan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran atau kegiatan ekonomi. [1]

Upah benar: Kemampuan atau keupayaan upah wang untuk mendapat barang dan perkhidmatan. [1]

	Sektor pertanian	**Sektor perindustrian**
Perbezaan keanjalan penawaran	- Penawaran keluaran pertanian kurang anjal. - Proses pengeluaran mengambil masa yang panjang. - Jika harga keluaran pertanian meningkat, keluaran tidak dapat ditambah dengan cepat walaupun pengeluar ingin meningkatkan keluaran untuk menambahkan hasil. - **Upah lebih rendah.**	- Penawaran keluaran perindustrian lebih anjal. - Proses pengeluaran mengambil masa yang singkat. - Jika harga keluaran perindustrian meningkat, keluaran dapat ditambah dengan cepat untuk menambahkan hasil. - **Upah lebih tinggi.**
Musim dan bencana	- Keluaran pertanian bergantung pada musim dan terdedah kepada bencana alam. - Hasil pengeluar mudah terjejas. - **Upah lebih rendah.**	- Keluaran perindustrian tidak bergantung pada musim dan kurang terdedah kepada bencana alam. - Hasil pengeluar tidak mudah terjejas. - **Upah lebih tinggi.**
Harga keluaran	- Pengeluar di sektor pertanian bertindak sebagai penerima harga/ tiada kuasa menentukan harga. - Nilai ditambah keluaran lebih	- Pengeluar di sektor perindustrian bertindak sebagai penentu harga/ monopoli atau bermonopoli. - Nilai ditambah keluaran lebih

	rendah. - Pendapatan pengeluar lebih rendah. - **Upah lebih rendah.**	tinggi. - Pendapatan pengeluar lebih tinggi. - **Upah lebih tinggi.**
Peranan orang tengah	- Kewujudan orang tengah menyebabkan hasil pengeluar rendah. - **Upah lebih rendah.**	- Pengeluar bebas melakukan pemasaran untuk mendapatkan untung maksimum. Hasil pengeluar tinggi. - **Upah lebih tinggi.**
Daya pengeluaran sut	- Teknologi sektor pertanian rendah/ berintensifkan buruh. - Daya pengeluaran sut buruh di sektor pertanian lebih rendah. - **Upah lebih rendah.**	- Teknologi sektor perindustrian lebih canggih. - Daya pengeluaran sut buruh di sektor perindustrian lebih tinggi. - **Upah lebih tinggi.**
Kekuatan kesatuan sekerja	- Tiada kesatuan sekerja yang memperjuangkan kebajikan dan hak pekerja. - **Upah lebih rendah.**	- Terdapat kesatuan sekerja yang membela kebajikan dan hak pekerja. - **Upah lebih tinggi.**

(Mana-mana 2 fakta beserta huraian)

2.

Inflasi tarikan permintaan
Inflasi tolakan kos
Infladi diimport

Nyatakan dua faktor yang menyebabkan setiap jenis inflasi di atas. [6]

Skema

Inflasi tarikan permintaan

- Kenaikan perbelanjaan agregat iaitu perbelanjaan penggunaan, perbelanjaan kerajaan, pelaburan, eksport bersih [1]
- Tambahan bekalan wang yang berlebihan yang tidak dikawal [1]

Inflasi tolakan kos

- kenaikan harga faktor pengeluaran [1]
- kenaikan kos bahan mentah [1]
- kenaikan tingkat upah [1]
- matlamat firma meningkatkan keuntungan [1]

- kenaikan cukai – kaitkan dengan kos pengeluaran [1]

Inflasi diimport

- kenaikan harga barang diimport atau mengimport barang dari negara yang mengalami inflasi [1]
- kenaikan nilai mata wang asing atau kejatuhan nilai mata wang tempatan [1]
- kenaikan kos mengimport – pengangkutan, insurans [1]

(Mana-mana 2 huraian)

---

3. "Pada tahun 2022, kadar pertukaran asing Dolar Singapura dengan Ringgit Malaysia ialah 1SGD = RM3.36 dan pada tahun 2023 kadar pertukaran asing telah berubah kepada 1SGD = RM3.48".

Berdasarkan pernyataan di atas :

(a) Apakah kesan kepada nilai Ringgit Malaysia dan nilai Dolar Singapura ? [2]

(b) Terangkan kesan keadaan tersebut terhadap ;

(i) Harga barang dari Singapura [2]

(j) Daya saing eksport barang dari Malaysia [2]

SKEMA

3. (a) Nilai Ringgit Malaysia jatuh. [1m] Nilai Dolar Singapura naik. [1m]
   (b) Kesan daripada keadaan tersebut :

i. Harga barang daripada Singapura secara relatifnya semakin mahal. [1] Ini kerana semakin banyak jumlah Ringgit yang diperlukan untuk mendapat seunit mata wang Dolar Singapura. [1m]

ii. Daya saing eksport Malaysia semakin baik. [1m] Ini kerana apabila nilai Ringgit jatuh, barang keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa secara relatifnya murah. Maka, permintaan terhadap barang dari Malaysia tinggi. [1m]

---

4. Huraikan tiga sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada terhadap ekonomi. [6]

SKEMA

Sumbangan PKS

- Meningkatkan keluaran negara – PKS mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang menyumbang kepada keluaran negara. Sumbangan PKS kepada KDNK meningkat.
- Meningkatkan guna tenaga – Perkembangan PKS dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan menyebabkan permintaan terhadap tenaga buruh meningkat. Dengan itu pengangguran berkurang.
- Memberi sumbangan kepada eksport – PKS mengeluarkan barang untuk kegunaan dalam negeri dan juga untuk dieksport. Maka, eksport negara meningkat.
- Membangunkan industri desa di luar bandar – PKS dapat membangunkan industri desa terutamaanya aktiviti berkaitan pemprosesan keluaran pertainan dan pelancongan. Ini dapat meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi.
- Membangunkan industri hiliran dan huluan – PKS membekalkan bahan mentah/ barang perantaraan / komponen kepada industri (huluan). PKS mengusahakan perusahaan yang berasaskan bahan mentah / input tempatan (hiliran). Ini dapat mempertingkatkan rantaian industri hiliran dan huluan.

[Mana-mana tiga di atas] [2 markah x 3 = 6 markah]

---

5. (a) Terangkan objektif penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). [2]
(b) Terangkan dua skim pembiayaan yang disediakan oleh AIM. [4]

SKEMA

5.(a) Objektif AIM :

- Mengurangkan kemiskinan dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah di Malaysia melalui pembiayaan kredit mikro.
- Melahirkan usahawan dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah.
- Menyediakan kemudahan kewangan, bimbingan dan latihan berterusan kepada usahawan kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah .

[mana-mana 2 = 2m]

(b) Dua skim pembiayaan daripada AIM

- Skim i-Mesra – Skim asas atau yang pertama sebelum layak untuk skim lain dengan pembiayaan RM10 000 dan tempoh bayaran balik 100 minggu.
- Skim i-Wibawa – Pembiayaan bermusim dengan jumlah pembiayaan RM5000 dan tempoh bayaran balik 25 minggu.
- Skim i-Bestari – Skim pembiayaan yang berasaskan konsep sahabat dan keluarga dengan pembiayaan berjumlah RM5000 dengan bayaran balik selama 100 minggu.
- Skim i-Emas – Skim pembiayaan untuk sahabat yang berumur 75 tahun ke atas dengan pembiayaan sebanyak RM2000 dan bayaran balik selama 50 minggu.
- Skik i-Srikandi [1m] – pembiayaan untuk meningkatkan pendapatan denga pembiayaan sebanyak RM30 000 dengan bayaran balik selama 150 minggu. Ditawarkan kepada sahabat AIM yang lama dan berpotensi tinggi dan berdaya maju.
- Skim i-Penyayang [1m]– pinjaman untuk memulihkan sesebuah projek atau perniagaan yang mengalami kegagalan kerana faktor bencana alam, dan faktor ekonomi dan sosial dengan pembiayaan sebanyak RM5000 dan pembayaran balik selama 100 minggu.[1m]
- Program Pembiayaan Mikro Bandar [1m] – ditawarkan kepada golongan miskin di bandar bagi menjalankan perniagaan sendiri. [1m]

[mana-mana 2 = 2m]

---

6. (a) Berikan dua punca kemiskinan. [2]
(b) Berikan maksud dan contoh sumber-sumber pendapatan berikut:
(i) upah [2]
(ii) bayaran pindahan [2]

SKEMA

6. (a) Dua punca kemiskinan
- Tahap pendidikan rendah
- Akses pasaran terhad
- Tahap teknologi pengeluaran rendah
- Modal yang terhad

[Mana-mana 2 = 2 markah]

(b) (i) Upah – pendapatan yang diterima oleh buruh atas sumbangan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.[1] Contoh : Seorang guru mendapat gaji RM8000 sebulan. [1]
(ii) Bayaran pindahan – Pendapatan yang diperoleh tanpa sebarang sumbangan dalam proses pengeluaran.[1] Contoh pencen, biasiswa yang diterima pelajar. [1]

[Mana-mana 2 = 2 markah]

Bahagian B [10 markah]

7. Jadual di bawah menunjukkan guna tenaga mengikut sektor di Malaysia dari tahun 2015 hingga tahun 2017.

Butiran	**Tahun**		
	2015 ('000)	**2016 ('000)**	**2017 ('000)**
Utama	**1858.3**	**1706.2**	**1728.6**
Kedua	**3632.6**	**3642.3**	**3765.1**
Ketiga	**8575.1**	**8814.3**	**8956.3**
Guna tenaga	**14 067.7**	**14 163.7**	**14 450.0**
Tenaga buruh	**14 518.0**	**14 667.8**	**14 952.6**

(Sumber: *Kementerian Kewangan Malaysia, 2019*)

(a) Apakah yang dimaksudkan *guna tenaga* dan *tenaga buruh*? [2]

(b) Hitung kadar perubahan tenaga buruh bagi tahun 2016 dan tahun 2017. [3]

(c) Hitung kadar pengangguran bagi tahun 2015 hingga tahun 2017. [3]

(d) Terangkan arah aliran kadar pengangggguran di Malaysia dari tahun 2015 hingga tahun 2017. [2]

Skema

(a)	Guna tenaga : Tenaga buruh yang aktif menjalankan kegiatan ekonomi.		[1]
	Tenaga buruh : Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada yang bekerja atau yang menganggur kecuali orang kurang upaya, pelajar, suri rumah dan pesara.		[1]
(b)	Kadar perubahan tenaga buruh (Tahun 2016)	= $\frac{14667.8 - 14518.0}{14518.0}$ x 100% = 1.03%	[1] [1]
	Kadar perubahan tenaga buruh (Tahun 2017)	1.94%	[1]
(c)	Kadar pengangguran (Tahun 2015)	= $\frac{14518.0 - 14067.7}{14518.0}$ x 100% = 3.10%	[1]
	Kadar pengangguran (Tahun 2016)	3.44%	[1]
	Kadar pengangguran (Tahun 2017)	3.36%	[1]
(d)	Kadar pengangguran meningkat [1] pada tahun 2016 dan menurun [1] pada tahun 2017.		

8. Jadual berikut menunjukkan Imbangan Akaun Semasa Malaysia dari tahun 2013 hinggaa tahun 2016.

Butiran	**Tahun**		
	2014 (RM juta)	**2015 (RM juta)**	**2016 (RM juta)**
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**102 620**	**88 592**	**82 292**
1. Barangan	113 327	109 224	101 382
2. Perkhidmatan	-10 707	-20 632	-19 090
Pengangkutan	-26 050	-24 565	-23 513
Perjalanan	33 233	26 940	31 527
Perkhidmatan lain	-17 890	-23 007	-27 104
Pendapatan primer	**-36 624**	**-32 112**	**-34 640**
Pendapatan sekunder	**-17 442**	**-21 325**	**-18 629**

(Sumber: *Kementerian Kewangan Malaysia, 2019*)

(a) Hitung kadar pertumbuhan imbangan barangan dan perkhidmatan dari tahun 2015 hingga tahun 2016. [3]

(b) (i) Hitung imbangan akaun semasa dari tahun 2014 hingga tahun 2016. [3]
(ii) Berdasarkan jawapan (b)(i), rumuskan jawapan anda. [2]

(c) Berikan **dua** faktor yang menyebabkan defisit dalam imbangan akaun pendapatan primer. [2]

Skema

(a)	Kadar pertumbuhan imbangan barangan dan perkhidmatan (Tahun 2015)	= $\frac{88592 - 102620}{102620}$ x 100% = -13.67%	[1] [1]
	Kadar pertumbuhan imbangan barangan dan perkhidmatan (Tahun 2016)	-7.11%	[1]
(b) (i)	Imbangan akaun semasa (Tahun 2014)	= 102 620 + (-36 624) + (-17 442) = RM 48,554 juta	[1]
	Imbangan akaun semasa (Tahun 2015)	RM 35,155 juta	[1]
	Imbangan akaun semasa (Tahun 2016)	RM 29,023 juta	[1]

(ii)	Imbangan akaun semasa mencatatkan lebihan [1] yang semakin menurun [1]	
(c)	- Pendapatan yang diterima oleh pelabur Malaysia di luar negara kurang berbanding dengan pendapatan pelaburan yang diterima oleh pelabur asing di Malaysia	[1]
	- Bayaran pampasan yang diterima oleh pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara kurang berbanding bayaran yang diterima oleh pekerja asing yang bekerja di Malaysia	[1]

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta